

18 MAR 1996

Muhyiddin-Sukan

PROGRAM JAYA 98 MASIH BANYAK KEKURANGAN, KATA MUHYIDDIN

KOTA KINABALU, 18 Mac (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata program "Jaya 98" yang dimulakan pada 1993 sebagai persediaan menghadapi Sukan Komanwel 1998 (Sukom KL 98) masih mempunyai banyak kekurangan yang perlu diatasi segera.

Beliau berkata setakat ini program khas itu belum menampakkan jaminan kejayaan daripada segi pungutan pingat pada sukan berprestij itu yang akan diadakan di Kuala Lumpur buat julung kalinya.

"Kita kekurangan atlit, jurulatih, kemudahan latihan dan peralatan latihan," katanya ketika merasmikan mesyuarat Majlis Sukan Sabah di Kompleks Sukan Likas di sini hari ini.

Katanya kekurangan atlit dan jurulatih itu jelas kelihatan pada penyertaan negara pada Sukan SEA di Chiang Mai tahun lepas apabila Malaysia tidak ada peserta untuk 88 acara sukan yang dipertandingkan.

Beliau berkata masa untuk menyediakan atlit yang mampu bertanding cemerlang juga sangat terhad kerana tempoh untuk menyediakan seseorang atlit yang cemerlang ialah antara enam dengan lapan tahun.

Katanya, ketika ini hanya prestasi bagi badminton yang menunjukkan kecemerlangan manakala bagi bidang sukan lain ia masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara peserta lain Sukan Komanwel itu.

Muhyiddin bagaimanapun berkata berdasarkan tindakan yang diambil sekarang mutu sukan negara akan menjadi lebih baik sekiranya persatuan-persatuan terbabit mengambil kesempatan daripada program pembangunan yang telah dan akan dilaksanakan.

Beliau berkata faktor disiplin atau sikap masih menjadi halangan utama kepada atlit dan jurulatih negara ini untuk menonjolkan bakat sebenar mereka.

Muhyiddin juga berkata Konvensyen Sukan Kebangsaan di Langkawi bulan depan akan memberi peluang kepada atlit, jurulatih, pemimpin sukan termasuk menteri dan anggota Exco kerajaan negeri serta pakar-pakar sukan luar negara untuk membantu merangka model pembangunan sukan negara untuk jangka panjang.

Konvensyen pada 10 - 13 April itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya.

Pada majlis hari ini Muhyiddin mengumumkan peruntukan RM1 juta kepada Sabah untuk membina padang astroturf hoki yang pertama di negeri ini. Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Datuk Wilfred Bumburing tapak projek itu sudah dikenal pasti dan kerja pembinaan akan dimulakan tidak lama lagi. -- BERNAMA

KG NMO